

Ucapan Pembukaan Resmi Persidangan Asian Association on National Languages Keempat oleh YAB Dr. Mahathir bin Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 25hb. April, 1977 di Pusat Pengajian Ijazah Tinggi Universiti Malaya, Pukul 10.00 pagi.



Tuan Pengerusi, peserta-peserta Persidangan, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati.

Saya merasa amat bangga kerana telah diberi kehormatan untuk berucap sepatah dua kata dan seterusnya merasmikan pembukaan Persidangan The Asian Association on National Languages atau ringkasnya ASANAL pada pagi ini. Saya juga ingin mengalu-alukan kedatangan saudara-saudara peserta sekalian ke Ibukota Malaysia dan ke lain-lain tempat dalam negeri ini. Saya berharap dalam tempoh yang singkat saudara-saudara berada di sini, saudara akan dapat juga peluang melihat beberapa kemajuan dibidang-bidang lain dinegara ini.

Tuan-tuan dan saudara-saudara sekalian sebagaimana termaklum bahawa The Asian Association on National Languages atau ringkasnya ASANAL adalah satu pertubuhan yang melibatkan negara-negara seluruh Asia yang bekerja kearah mengakkan bahasa kebangsaan mereka sebagai bahasa yang berdaulat dan juga sebagai bahasa pengantar, bukan sahaja diperingkat sekolah rendah dan menengah, tetapi juga diperingkat pengajian tinggi.

Kesedaran menegakkan bahasa kebangsaan sendiri sebagai salah satu ciri identiti bangsa yang berdaulat, muncul dengan berdaulatnya negara masing-masing dan tercapainya kemerdekaan. Sebahagian besar dari negara-negara Asia pernah dijajah oleh bangsa-bangsa asing, dan dengan penjajahan ini bahasa mereka pun turut terpendam dengan tidak diberi kesempatan menjadi bahasa resmi dan bahasa pendidikan persekolahan. Bahasa mereka tinggal hanya sebagai bahasa vernakular yang diajar pada tingkat sekolah rendah dan digunakan dalam perbualan peringkat rendah sehari-hari. Contoh yang paling baik ialah di Malaysia sendiri. Sebelum tercapainya kemerdekaan, Bahasa Melayu hanya diajarkan setakat disekolah rendah sahaja, iaitu selama 6 tahun. Jika murid-murid yang berkenaan hendak mencapai pelajaran pada taraf sekolah menengah dan selanjutnya, maka tidak ada jalan lain bagi mereka selain dari melalui pendidikan dalam bahasa pengantar Inggeris. Dengan demikian, maka timbullah satu gejala dalam masyarakat sendiri yang membezakan orang yang mempunyai

pengetahuan dalam bahasa Inggeris dengan orang yang tidak mempunyai pengetahuan dalam bahasa itu.

Dalam bidang ilmu, orang yang tidak mempunyai pengetahuan bahasa Inggeris itu tidak dianggap sebagai orang yang mempunyai pendidikan tinggi. Dari segi ekonomi, peluang-peluang untuk meninggikan kedudukan dan taraf hidup dalam masyarakat bagi orang yang tidak mempunyai pendidikan bahasa Inggeris sangat kurang dibandingkan dengan mereka yang mempunyai pengetahuan dalam bahasa itu. Oleh kerana bahasa kebangsaan itu sekian lama terdesak oleh bahasa penjajah dan tidak mempunyai kesempatan untuk digunakan dalam bidang-bidang pendidikan pada peringkat menengah dan tinggi, maka terjadilah satu pengasingan antara bahasa kebangsaan dengan perkembangan ilmu-ilmu moden, khasnya ilmu sains dan teknologi. Dengan demikian, maka timbullah anggapan yang salah bahawa bahasa kebangsaan tidak mampu untuk menjadi bahasa akademik atau bahasa saintifik. Soal tidak mempunya sesuatu bahasa itu, bukanlah terletak pada sifat bahasa itu, tetapi pada peluang yang ada pada bahasa itu untuk dipakai sebagai bahasa akademik atau saintifik, dan juga terletak pada sikap rakyat negara yang berkenaan sama ada hendak menggunakan bahasanya sendiri dalam konteks yang demikian itu. Seandainya rakyat sendiri mempunyai azam yang kuat untuk meninggikan taraf bahasanya dan tidak hanya melepaskan bahasa itu untuk hidup sebagai bahasa yang digunakan dipasar-pasar sahaja, maka bahasa itu dapat, bagaimanapun, menjadi bahasa yang boleh dipakai dalam bidang apa pun juga.

Berhubung dengan butir-butir diatas itu, maka bahasa negara-negara yang sedang membangun ini, dalam rancangan pembinaan bangsa dan negara, mestilah memasukkan perancangan bahasa sebagai satu acara yang penting yang tidak dapat dielakkan atau diabaikan. Perancangan bahasa yang teratur bukan sahaja akan dapat memperdaulatkan bahasa kebangsaan dan juga menjadikan bahasa itu sebagai bahasa akademik dan saintifik tetapi juga akan memper-teguhkan sistem pendidikan negara itu. Jika rakyat dari negara yang berkenaan dapat dididik dalam satu bahasa yang sama dan bukan dimasukkan kedalam berbagai-bagai acuan yang mempunyai bahasa pengantar yang berlainan satu sama lain, seperti yang terdapat di Malaysia sebelum merdeka, maka sudah tentu kita dapat menimbulkan satu bangsa yang bersatu padu, satu bangsa yang rakyatnya tidak menaruh perasangka yang bukan-bukan antara satu sama lain, dan satu bangsa yang bangga mempunyai identiti sendiri. Lagi pula, perancangan bahasa, jika dijalankan dengan teratur, dapat memperdekatkan sesebuah negara itu dengan perkembangan ilmu-ilmu moden yang datang dari luar.

Berbagai-bagai rancangan dapat dimasukkan dalam perancangan bahasa ini, misalnya, pengajaran bahasa yang teratur, pengubalan istilah-istilah ilmu yang dapat digunakan oleh rakyat dengan selesa dan juga dapat diterima oleh ahli-ahli dalam ilmu-ilmu yang berkenaan sebagai istilah yang sesuai.

Juga, yang tidak boleh diketepikan ialah penyelarasan sistem ejaan dan penyusunan kamus yang lengkap, baik yang bersifat eka-bahasa mahupun dwi-bahasa. Penulisan buku dalam bahasa kebangsaan sendiri oleh ahli-ahli akademik dan ahli-ahli sains, bukan sahaja dapat memberi makanan saintifik dan intelektual kepada rakyat, tetapi juga dapat membantu bahasa kebangsaan untuk berkembang sebagai bahasa yang sungguh-sungguh hidup.

Tema persidangan ini sangat tepat dan sesuai pada masa ini dalam konteks pembangunan negara-negara Asia. Meninjau judul-judul yang di cadangkan untuk penulisan kertas-kertas kerja bagi persidangan ini, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa sebahagian besar dari masaalah-masaalah bahasa kebangsaan dan juga masaalah-masaalah perancangan bahasa ikut dilibatkan dalam persidangan ini.

Pertemuan negara-negara Asia dalam persidangan ini memberi peluang kepada semua pihak untuk bertukar-tukar fikiran, mendapatkan informasi-informasi tentang perancangan-perancangan yang dibuat dari negara-negara rakan, mengambil tauladan dari apa yang baik dan yang sudah diuji dan membuang mana-mana yang dianggap tidak baik dalam perancangan bahasa dan penegakan bahasa kebangsaan. Persatuan Asian Association on National Languages (ASANAL) ini adalah persatuan yang istimewa kerana persatuan ini bukan sahaja dapat mempertemukan ahli-ahli linguistik dan guru-bahasa dari berbagai negara Asia, tetapi juga dapat mempertemukan ahli-ahli linguistik, guru-bahasa, ahli-ahli sains, undang-undang, ekonomi, filsafah dan sebagainya. Kita tahu bahawa mempelajari sesuatu ilmu itu bukanlah hal yang dapat dibataskan kepada ilmu itu sahaja, kerana dalam mempelajari sesuatu ilmu, bahasa merupakan faktor yang sangat penting sebagai alat pendukung buah fikiran dan juga alat perhubungan untuk menyampaikan buah fikiran itu kepada orang lain. Jadi pertemuan ilmu dengan bahasa ini mustahil diasingkan.

Akhirnya saya ingin merakamkan penghargaan setingginya kepada usaha ASANAL mengadakan persidangan ini. Saya menaruh penuh keyakinan bahawa persidangan ini akan mencapai objektif-objektifnya dengan penuh kejayaan, dan dengan harapan dan keyakinan ini saya dengan segala sukacita mengisytiharkan Persidangan ASANAL dengan resminya dibuka.

Terima kasih.